

MCA anjur jamuan penghargaan Dr Mahathir

BH 4/4/03
KUALA LUMPUR: MCA akan menganjurkan jamuan makan malam khas sebagai mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 1 Februari tahun depan.

Setiausaha Agung MCA, Tan Sri Dr Ting Chew Peh berkata, majlis itu diadakan bagi mengucapkan terima kasih kepada Dr Mahathir daripada ahli MCA dan masyarakat Cina terhadap sumbangan yang begitu besar kepada negara selama 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

Beliau berkata, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Barisan Nasional (BN) menyumbang jasa tenaganya yang tidak terhingga bagi mengukuhkan perpaduan dan meningkatkan taraf hidup pelbagai kaum di negara ini.

"Kita semua sebagai rakyat Malaysia keturunan Cina amat berterima kasih kepada Dr Mahathir yang berjaya membawa kemakmuran kepada rakyat negara ini," katanya pada sidang media selepas mesyuarat Majlis Tertinggi MCA, semalam.

Mesyuarat hampir dua jam itu dipengerusikan oleh Presiden MCA, Datuk Seri Ong Ka Ting.

Ting berkata, pihaknya juga akan mengadakan perjumpaan bersama Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan masyarakat Cina pada satu tarikh dan masa yang akan ditetapkan kemudian.